

KENYATAAN MEDIA

NPI SIRI "H" CIPTA FENOMENA, CATAT HASIL LUAR BIASA RM91.2 JUTA MELALUI JPJeBID

Nombor Pendaftaran Istimewa (NPI) Siri "H" mencipta satu pencapaian signifikan apabila Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) berjaya merekodkan **kutipan keseluruhan sebanyak RM91,206,642.00**, sekali gus mencerminkan sambutan luar biasa rakyat terhadap NPI yang diperkenalkan sempena Sambutan Hari Malaysia Tahun 2026.

Bidaan yang dilaksanakan sepenuhnya melalui sistem **JPJeBid bermula 16 September hingga 20 September 2026** itu mencatatkan **RM89,266,542.00 hasil bidaan** serta **RM1,940,100.00 fi perkhidmatan**.

Secara keseluruhan, seramai **34,664 pembida** telah mengambil bahagian, dengan **8,223 nombor pendaftaran berjaya dibida**, sekali gus memperlihatkan sambutan amat menggalakkan terhadap NPI Siri "H".

Bagi kategori nilai bidaan tertinggi, **nombor H 1 mencuri tumpuan apabila mencatatkan bidaan tertinggi sebanyak RM10,777,777**, diikuti:

Nombor Siri	Nilai Bidaan	Nombor Siri	Nilai Bidaan
H 9	RM4,969,999	H 2	RM3,180,000
H 3	RM4,209,777	H 7	RM3,100,000
H 5	RM4,007,777	H 4	RM2,437,777
H 8	RM4,000,000	H 11	RM1,557,777
H 6	RM3,380,000		

Sementara itu, nombor yang mencatatkan **penyertaan pembida paling tinggi** ialah **H 1001 dan H 100**, masing-masing dengan **37 pembida**, diikuti **H 1805** dengan **36 pembida** serta **H 1777 dan H 4818**, masing-masing dengan **32 pembida**.

Kejayaan NPI Siri "H" bukan sekadar mencerminkan **sambutan tinggi terhadap nombor pendaftaran istimewa**, malah menjadi bukti nyata **kejayaan transformasi digital Kerajaan menerusi platform JPJeBid** yang menjadikan proses bidaan lebih mudah, pantas, cekap dan



telus.

Lebih signifikan, **setiap hasil yang dijana melalui inisiatif ini akan kembali kepada rakyat** menerusi pelbagai program dan inisiatif MOT serta JPJ, termasuk **program keselamatan jalan raya dan inisiatif yang memberikan manfaat secara langsung kepada masyarakat**. Justeru, kejayaan NPI Siri "H" bukan sekadar tentang angka atau nombor pendaftaran, tetapi membawa **nilai yang lebih besar kepada rakyat dan negara**.

Saya turut merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga JPJ atas komitmen luar biasa tanpa mengira masa dan hari** dalam memastikan setiap bidaan NPI ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Dalam kita terus mengejar keberhasilan dan kecemerlangan, **kebajikan pegawai serta anggota JPJ mesti sentiasa diberikan perhatian dan menjadi keutamaan**. Mereka yang bekerja keras memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat juga perlu terus dihargai dan dijaga kebajikan.

MOT dan JPJ merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pembida serta rakyat Malaysia** atas sambutan luar biasa terhadap NPI Siri "H". Kerajaan akan terus memperhebat **agenda pendigitalan perkhidmatan** dan memperkenalkan **inisiatif berimpak tinggi** yang bukan sahaja memperkukuh kecekapan penyampaian, malah memastikan hasil negara diterjemahkan kepada **manfaat yang dapat dirasakan rakyat**.

MENTERI PENGANGKUTAN
21 SEPTEMBER 2026

– TAMAT –

INFO KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (MOT)

Kementerian Pengangkutan bertekad untuk memimpin pembangunan sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkukuh teknologi serta jaringan mobiliti sebagai pemangkin kemajuan negara.

PERTANYAAN MEDIA

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pengangkutan Malaysia
+603 8892 1027 | unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

